GEORGE PAUL DANIEL AROKIAM, BERKENAAN: EX P; UNITED ASIAN BANK BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZAKARIA YATIM H
[KEBANKRAPAN NO. D-4-43-477-88]
8 OGOS 1990

KEBANKRAPAN: *Permohonan membatalkan perintah penerimaan dan penghukuman - Permohonan menggantung perintah - Permohonan mengenepikan penghakiman ingkar - Kelewatan permohonan - Samada notis kebankrapan sah.*

Permohonan telah dibuat oleh seorang bankrap untuk, antara lain, membatalkan perintah penerimaan dan penghukuman dan mengenepikan penghakiman ingkar. Permohonan ini telah disokong oleh afidavit pemohon. Dua perkara telah dibangkitkan oleh pemiutang penghakiman, iaitu kelewatan permohonan ini dan kedua, hujah-hujah yang sama telah dibangkitkan oleh pemohon di hadapan seorang hakim yang lain sebelum perintah penerimaan dan penghukuman ini dibuat ke atas pemohon.

Sebagai alasan permohonan ini, pemohon mengatakan bahawa notis kebankrapan yang telah diserahkan kepadanya adalah tidak sah.

Diputuskan:

[1] Permohonan untuk mengenepikan atau membatalkan perintah penerimaan dan penghukuman boleh dibuat oleh seorang bankrap pada bila-bila masa sahaja.

[2] Hujah-hujah yang dibuat oleh pemohon dahulu itu adalah sebelum perintah penerimaan dan penghukuman dibuat dan oleh itu tidak ada halangan bagi pemohon menggunakan hujah-hujah yang sama bagi menyokong permohonannya membatalkan perintah tersebut.

[3] Notis yang dikeluarkan oleh pemiutang tidak menyatakan jumlah yang tetap kerana jumlah faedah (bunga) dua bulan terakhir sebelum notis dikeluarkan belum dikira jumlahnya; oleh yang demikian, notis itu adalah tidak sah *ab initio.*

[4] Mengikut undang-undang, sesuatu notis kebankrapan itu tidak sah jika ia tidak menyatakan jumlah wang yang tepat, dikira pada tarikh notis itu dikeluarkan.

[Perintah penerimaan dan penghukuman dibatalkan]

Kes-kes yang dirujuk:

Ghazali bin Mat Noor v. Southern Bank Berhad [1989] 1 CLJ (Rep) 35
Low Mun @ Low Sian Sun v. Chung Khiaw Bank Ltd. [1987] CLJ (Rep) 172

Bagi pihak Pemohon - R. Devadason; T/n. Devadason & Devadason
Bagi pihak Pempetisyen - M. Sinniah; T/n. Syarikat K.L. Rekraj

PENGHAKIMAN

Zakaria Yatim H:

Ini adalah satu permohonan yang dibuat oleh seorang bankrap untuk membatalkan perintah penerimaan dan perintah penghukuman serta kos yang diberi oleh Mahkamah pada 22 November 1989. Permohonan ini juga meminta Mahkamah, sebagai permohonan alternatif, menggantungkan perintah-perintah tersebut. Pemohon juga meminta kebenaran Mahkamah untuk mengenepikan penghakiman ingkar yang diberi pada 1 Disember 1986.

Permohonan ini telah dibuat dengan disokong oleh satu afidavit yang telah diikrarkan pada 18 Julai 1980 oleh pihak pemohon. Cik M. Sinniah, peguam bagi pihak pemiutang penghakiman telah membangkitkan dua perkara permulaan. Pertama, beliau menyatakan bahawa permohonan ini telah dibuat selepas enam bulan pemohon ini telah dijadikan bankrap. Pada fikiran saya permohonan untuk mengenepikan atau membatalkan perintah penerimaan dan penghukuman boleh dibuat oleh seorang yang bankrap pada bila-bila masa sahaja dan tidak ada masa yang dihadkan untuk beliau membuat permohonan tersebut.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Cik M. Sinniah ialah bahawa hujah-hujah yang sama oleh pihak pemohon telahpun dibuat di hadapan seorang Hakim yang lain sebelum Yang Arif Hakim tersebut membuat perintah penerimaan dan perintah penghukuman pada tarikh yang tersebut. Menurut Cik M. Sinniah pihak pemohon tidak boleh membangkitkan atau membuat hujah-hujah yang sama sekarang. Pada pendapat saya hujah-hujah yang dibuat di hadapan Yang Arif Hakim itu ialah hujah-hujah sebelum perintah penerimaan dan perintah penghukuman dan kos dibuat. Oleh itu pihak pemohon boleh membuat hujah-hujah tersebut untuk menyokong permohonannya membatalkan perintah tersebut.

Menurut alasan permohonan pertama untuk membatalkan perintah penerimaan dan perintah penghukuman yang dibuat pada 22 November 1989 itu, notis kebangkrapan yang telah diserahkan kepada pemohon adalah tidak sah. Sekarang saya ingin melihat dan memeriksa samada notis itu adakah sah atau tidak dari segi undang-undang. Notis tersebut yang bertarikh 25 Januari 1988 di muka surat satu menyatakan di antara lain:

> Take notice that within seven (7) days after service of this notice on you excluding the day of such service **you must pay to the United Asian Bank Berhad** of Upper Ground Floor, Resource House, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur the **sum of RM39,945.07** claimed by them as being the amount due together with interest and costs on a final judgment ...
> (Tegas ditambah)

Dari apa yang dipetik di atas adalah nyata bahawa jumlah wang yang perlu dibayar oleh pemohon ialah RM39,945.07 beserta dengan bunga dan kos. Di muka surat 2 notis itu, pemiutang penghakiman menyatakan kiraannya seperti berikut:

Decretal amount	RM32,265.55
costs	RM 240.00
Running interest at the rate of 12.5% per annum on monthly rests from 1 April 1986 to 30 November 1987 and continuing	RM 7,439.52
	39,945.07
Less amount received on	-
Amount due:	RM39,945.07

With running interest at the rate of 12.5% per annum on monthly rests from 1 December 1987 to date of realisation or of receiving adjudication Orders.

Dari kiraan yang dipetik di atas, adalah nyata bahawa jumlah RM39,945.07 itu termasuk bunga yang dikira hingga 30 November 1987, dan bunga masih terus berjalan sehingga perintah penerimaan dan perintah penghukuman dibuat. Permohonan untuk mengeluarkan notis itu telah dibuat pada 22 Januari 1988 tetapi telah difailkan di pejabat pendaftar Mahkamah pada 25 Januari 1988 dan notis itu dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar pada tarikh yang sama. Mengikut kiraan jumlah wang yang dituntut di dalam notis itu, iaitu

RM39,945.07, adalah didapati jumlah tersebut dikira sehingga 30 November 1987 dan bunga masih berjalan. Saya dapati sekurang-kurangnya pihak pemiutang penghakiman seharusnya mengira bunga itu sehingga tarikh permohonan untuk mengeluarkan notis itu, iaitu 22 Januari 1988. Notis itu mengandungi perkataan-perkataan "together with interest" tetapi bunga yang dituntut di antara 30 November 1987 dan 23 Januari 1988 iaitu hampir dua bulan tidak "diquantified." Ini bermakna pada tarikh notis itu dikeluarkan, notis itu tidak mengandungi jumlah yang tetap yang harus dibayar oleh pihak pemiutang.

Menurut undang-undang, sesuatu notis kebankrapan itu tidaklah sah jika notis itu tidak menyatakan jumlah wang yang tepat yang dikira pada tarikh notis itu dikeluarkan. Pihak yang berhutang haruslah tahu berapa jumlah yang terpaksa dibayarnya oleh kerana jika beliau tidak tahu, maka tidaklah boleh dikata bahawa beliau melakukan perbuatan kebangkrapan. Oleh yang demikian notis itu adalah tidak sah *ab initio*. Di dalam kes *Ghazali bin Mat Noor v. Southern Bank Berhad* [1989] 1 CLJ (Rep) 35, Mahkamah Agung telah menyatakan seperti berikut:

> For a bankruptcy notice to be valid, therefore, it should state the exact amount due as at the date of the bankruptcy notice. The judgment debtor must know the exact amount he has to pay to avoid bankruptcy ... In the present appeals, the interest sums payable have not been quantified. The bankruptcy notice in all five cases are therefore invalid *ab initio* and consequently all subsequent proceedings to these bankruptcy notices are a nullity ...

Sila lihat *Low Mun @ Low Sian Sun v. Chung Khiaw Bank Ltd.* [1987] CLJ (Rep) 172 di ms 403

Atas alasan-alasan yang tersebut di atas, saya memerintahkan bahawa perintah penerimaan dan penghukuman yang dibuat pada 22 November 1988 itu dibatalkan dengan kos kepada pemohon.

Also found at [1990] 2 CLJ 750